

Headline	Program amal Kelab Penyair, Deklamator GAPENA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F6,F7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 10,631
Frequency	Daily	PR Value	MYR 31,892



Program amal Kelab Penyair, Deklamator GAPENA

Program amal akan menjadi keutamaan Kelab Penyair dan Deklamator, Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), sekali gus diharap dapat mengangkat bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Setiausahanya, Amran Ibrahim Rashidi, berkata program berbentuk amal dipilih kerana ia dapat membantu golongan yang memerlukan dan pada masa sama, menyumbang dalam mempromosikan bahasa dan

kesusasteraan Melayu.

"Program amal yang dianjurkan dalam bentuk sastera bukanlah konsep yang baru, sekali gus mendorong kami untuk terus mempraktikkannya kerana ia memberi manfaat kepada lebih banyak pihak.

"Program sastera berbentuk amal ini biasanya dibuat dengan penganjuran majlis deklamasi puisi yang turut mengadakan kempen membantu mereka yang memerlukan seperti Pales-

Headline	Program amal Kelab Penyair, Deklamator GAPENA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F6,F7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 10,631
Frequency	Daily	PR Value	MYR 31,892

tin atau Rohingya, selain mangsa bencana," katanya kepada *BH Sastera* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Amran berkata, pihaknya baru saja menganjurkan Deklamasi Puisi Keamanan dan kemanusiaan Tangisan Gaza di Menara Condong Teluk Intan, Perak pada awal bulan ini.

Jelajah kumpul dana

"Ia menjadi permulaan untuk mengadakan siri jelajah ke seluruh tanah air dalam usaha mengumpulkan dana bantuan kemanusiaan untuk penduduk Gaza.

"Kami juga pernah menganjurkan deklamasi puisi dan forum mengenai penderitaan masyarakat Palestin menerusi program Malam Tangisan Gaza: Selamatkan Bumi Palestin di Universiti Kuala Lumpur (UniKL)," katanya.

Beliau berkata, kelabnya juga mengumpulkan puisi yang pernah dihasilkan dan dipersembahkan oleh ahli kelab untuk diterbitkan sebagai antologi puisi.

"Kami bercadang untuk melancarkan *arkannya* Hari Sastera Nasional Ke-16 pada tahun ini, selain menerbitkan video deklamasi puisi dan nyanyian lagu puisi yang sebagai projek terapi minda dan jiwa pendengar.

"Kelab juga merancang untuk menjayakan Sayembara Puisi Islami sebagai rancangan realiti televisyen dengan kerjasama TV Alhijrah dan Ikim.FM," katanya.

Kelab Penyair dan Deklamator GAPENA dianggotai lebih 500

deklamator yang datang dari pelbagai latar belakang dengan ada di antara mereka yang pernah menjuarai pertandingan Deklamasi Puisi Kemerdekaan.

Amran mendeklamasikan sajak pada Malam Tangisan Gaza - Selamatkan Bumi Palestin.



Headline	Program amal Kelab Penyair, Deklamator GAPENA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	F6,F7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 10,631
Frequency	Daily	PR Value	MYR 31,892



Program amal anjuran Kelab Penyair dan Deklamator GAPENA melancarkan **tabung bantuan Gaza.**